

**Parti KITA Umum Tujuh Lagi Calon PRU-13 Di Kedah
Bernama
15 September, 2012**

SUNGAI PETANI, 15 Sept (Bernama) -- Parti Kesejahteraan Insan Tanahair (KITA) mengumumkan tujuh lagi calon pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) untuk bertanding di lima kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dua kerusi Parlimen di Kedah.

Lima calon bagi kerusi DUN ialah petugas media, A. Appadorai, 59, yang akan bertanding di DUN Kuala Ketil, ahli perniagaan Samransak Kram, 27, (DUN Pedu), Azhar Ahmad, 34, (DUN Bakar Bata), Wan Rosli Omar, 40, (DUN Merbau Pulas), dan Vincent Tuh, 44, (DUN Bakar Arang).

Bagi kerusi Parlimen pula, N. Periasamay, 52, bagi kerusi Padang Serai dan Sanan Maniratana Eplat, 37, di kerusi Pendang.

Presiden KITA Datuk Zaid Ibrahim berkata beliau menaruh sepenuh keyakinan terhadap senarai calon yang sudah dipilih untuk bertanding di negeri ini.

"Kita mahu orang yang boleh memahami masalah rakyat. Calon kita terdiri dari ahli perniagaan kecil-kecilan," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri Parti KITA Kedah di sini.

Sebelum ini, Parti KITA Kedah mengumumkan tiga calon yang akan bertanding kerusi DUN dan satu kawasan Parlimen iaitu Kamal Nasser Thow Beek, 49, (DUN Bukit Selambau), Cherean Isen, 34, (DUN Sungai Tiang), Ong Choon Seng, 52, (DUN Gurun), dan Suhaimi Hashim, 49, (Parlimen Sungai Petani).

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694946>